

PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN STRUKTUR PERSEMBAHAN TRADISI GENDANG MELAYU SARAWAK

(The Performance Development and Changes of the Structure in Traditional Gendang Melayu Sarawak)

Nurulakmal Abdul Wahid
nurulakmal@fmisp.upsi.edu.my

Jabatan Seni Persembahan,
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Tel.: +605-4506786

Abstrak

Gendang Melayu Sarawak merupakan salah satu seni persembahan tradisi masyarakat Melayu Sarawak. Masyarakat Melayu di Sarawak telah menjadikan aktiviti ini sebagai hiburan terutama dalam majlis keramaian. Persembahan tradisi gendang Melayu Sarawak ini telah mengalami perubahan dan perkembangan sejak kedatangan Islam di Kepulauan Borneo. Kajian ini bertujuan untuk melihat perubahan perkembangan terhadap seni persembahan tradisi bergendang ini. Struktur persembahan tradisi ini telah berubah secara beransur-ansur dari semasa ke semasa. Persembahan tradisi ini telah diturunkan daripada generasi kepada generasi yang lain bagi menghidupkan semula persembahan tradisi ini. Kaedah kajian yang digunakan ialah temu bual dan pemerhatian ikut serta. Kajian ini dilakukan secara diakronik dan sinkronik, dan analisis deskriptif digunakan bagi mengkaji, membahas dan menghuraikan dengan lebih jelas tentang perubahan yang berlaku terhadap persembahan tradisi bagi masyarakat Melayu Sarawak. Hasil penyelidikan ini dapat memberi informasi serta pemahaman tentang seni persembahan tradisi Gendang Melayu Sarawak.

Kata kunci: perkembangan, perubahan, struktur persembahan, tradisi, gendang Melayu Sarawak

Abstract

Gendang Melayu Sarawak is one of the Sarawakian Malay art performance tradition. The Malay society in Sarawak has made this activity as an entertainment especially during social gatherings. This development has evolved since the coming of Islam in the Island of Borneo. This research aims to study the changes in the development of the tradition. The changes includes the changes in the tradition of performance structure against time. In order for this tradition to live on within the community, the tradition of performance has been passed on from generation to generation. The research method used to find datas are through interviews and participant observation. This research is also conducted diacronically and synchronically where by descriptive analysis is used to discuss in details of the changes that has taken effect on the performance tradition of the Sarawak Malay society. The research findings will provide information and understanding of the performance tradition of the Gendang Melayu Sarawak .

Keywords: development, changes, performance structure, tradition, Gendang Melayu Sarawak

PENGENALAN

Gendang Melayu Sarawak merupakan persembahan tradisi Melayu yang terdapat di Sarawak. Persembahan ini merupakan aktiviti masyarakat Melayu Sarawak sejak dulu lagi dan telah berkembang pada era pemerintahan Brooke (1841-1941). Persembahan bergendang ini tercatat dalam jurnal *Sarawak Gazette*.¹ Kajian tentang persembahan tradisi Gendang Melayu Sarawak tidak banyak dilakukan oleh pengkaji. Kebanyakan kajian lepas lebih cenderung kepada penelitian terhadap sejarah, kesusasteraan pantun, kajian perbandingan dan juga peranan budaya bergendang dalam masyarakat. Setakat ini, tiada lagi kajian yang membahaskan serta membincangkan tentang perkembangan dan perubahan struktur tentang persembahan tradisi ini. Razali Haji Yu (2010)² berpendapat, persembahan tradisi ini perlu dipulihara kerana tradisi lisan ini dapat membantu masyarakat setempat untuk mengenali kebudayaan, pemikiran serta falsafah kehidupan.

MASYARAKAT MELAYU SARAWAK DAN PERSEMBAHAN TRADISI

Seni persembahan tradisi Gendang Melayu Sarawak atau lebih dikenali sebagai “bergendang” merupakan sebuah seni persembahan tradisi masyarakat Melayu yang unik dan hanya terdapat di Sarawak. Seni persembahan ini juga merupakan seni

pergaulan Melayu yang wujud sebagai aktiviti hiburan untuk masyarakat setempat. Menurut Schechner (2006).³

A “performance” may be defined as all the activity of a given participant on a given occasion which serves to influences in any way of the other participants.

Sejarah dan latar belakang persembahan tradisi ini agak kabur, tetapi kedatangan Islam ke kepulauan Borneo menjadi salah satu sumber yang dapat menjelaskan bagaimana seni persembahan tradisi ini wujud di Sarawak. Seperti latar belakang seni persembahan zapin di Johor yang bermula daripada pembawaan alat muzik serta gerak tari yang dibawa oleh pedagang Arab, begitu juga dengan gendang Melayu Sarawak. Masyarakat Melayu Sarawak telah mengamalkan seni persembahan ini sebagai salah satu aktiviti hiburan untuk memeriahkan suasana perkahwinan di kampung. Selain itu, persembahan tradisi berkait rapat dengan masyarakatnya. Persembahan ini mampu berfungsi untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara penduduk kampung. Menurut Muhammad (2001)⁴, seni persembahan tradisi Gendang Melayu Sarawak merupakan budaya ekspresif bagi masyarakat Melayu Sarawak. Dalam aktiviti ini mereka meluahkan nilai murni, emosi, perasaan atau idea melalui isi dalam rangkap pantun yang dinyatakan. Hasil temu bual yang dilakukan semasa kajian lapangan, Jamal Johari (2012) seorang aktivis budaya bergendang yang gemar dipanggil sebagai Pak Su menyatakan bahawa dahulu, aktiviti bergendang ini juga dilakukan untuk menyembuhkan penyakit. Oleh sebab kaedah atau upacara perubatan ini bertentangan dengan ajaran agama Islam, maka upacara ini tidak dilaksanakan lagi.⁵ Walau bagaimanapun, masyarakat Melayu Sarawak masih mengamalkan persembahan ini dalam majlis keramaian.

Persembahan bergendang suatu ketika dahulu merupakan acara wajib bagi setiap majlis perkahwinan. Persembahan ini diadakan selama tujuh hari tujuh malam di rumah pengantin perempuan. Kemeriahannya berlarutan hingga ke Subuh. Setelah berlalunya masa, persembahan ini kini masih diadakan tetapi hanya untuk tiga hari tiga malam atau satu malam sahaja. Dari semasa ke semasa tempoh untuk persembahan ini menjadi lebih singkat. Persembahan ini diadakan hanya semasa majlis persandingan berlangsung. Selain itu, persembahan ini juga berfungsi membantu tuan rumah mengumpul jiran tetangga untuk membantu dalam persiapan kenduri kahwin. Ramai yang akan datang membantu jika persembahan bergendang diadakan.

Dalam persembahan tradisi ini, hubungan antara masyarakat Melayu dan persembahan ini sangat berkait rapat. Tatacara dan tertib dalam persembahan ini dipengaruhi oleh budaya dan adat masyarakat Melayu. Menurut Rahmah (2006),⁶

...seni merupakan paparan budaya milik bangsanya yang dijemakan dengan daya kreatif, identiti, nilai, adat resam, kepercayaan dan sistem hidup yang tersendiri.

(Rahmah dan Nor, 2006:1)




Jelas di sini, hubungan antara seni dan budaya sesebuah masyarakat sangat erat sehinggakan diterap dalam seni persembahan tradisi mereka. Perkembangan persembahan tradisi ini mula berkembang dan diminati oleh setiap golongan masyarakat. Walau bagaimanapun, persembahan ini juga mengalami zaman kemerosotannya. Akibat sikap segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab, yang datang dalam keadaan mabuk dan bertandak tanpa diundang sehingga menimbulkan kekacauan dan kekecohan semasa persembahan ini diadakan, menyebabkan pihak berkuasa tidak menggalakkan aktiviti ini diadakan secara berlarutan hingga ke pagi, atau berhari-hari. Sejak berlakunya insiden ini, setiap penduduk yang ingin membuat aktiviti bergendang perlu memohon kelulusan daripada pihak yang bertanggungjawab. Oleh sebab itu, masyarakat berasa berat dengan keperluan mematuhi prosedur mengisi borang untuk mendapatkan permit atau kelulusan daripada pihak bertanggungjawab bagi mengadakan aktiviti ini dalam majlis perkahwinan. Mereka hanya mengadakan persembahan ini pada majlis persandingan tanpa melibatkan pengunjug. Maka, di sinilah bermulanya perubahan terhadap struktur persembahan tradisi ini.

Sedikit demi sedikit, persembahan tradisi ini dilupai dan tidak diketahui terutama oleh generasi muda. Ramai generasi muda tidak mengetahui wujudnya seni persembahan tradisi ini pada masa itu. Namun, situasi ini tidak kekal dan telah berubah. Persembahan tradisi ini telah berkembang semula secara perlahan-lahan dan mula diminati oleh generasi muda. Kumpulan Indera Samudera yang diketuai oleh Jamal Johari, telah mendidik generasi muda yang berumur lapan hingga lima belas tahun untuk mempelajari seni persembahan ini. Kumpulan ini mengadakan kelas *bertandak* bagi anak lelaki dan kelas *bergendang* bagi anak perempuan.

Perkembangan persembahan tradisi ini telah menyebabkan beberapa faktor dan struktur persembahan tradisi ini berubah. Dahulu, persembahan ini dipersembahkan di majlis perkahwinan di rumah terutamanya di kawasan kampung. Setelah pembangunan terhadap persekitaran berlaku dan dengan adanya dewan besar atau balai raya, majlis perkahwinan atau keramaian diadakan di dewan atau balai raya tersebut. Perubahan ini amat ketara dan bermulalah persembahan tradisi ini dipersembahkan di pentas. Selain itu, alatan elektronik seperti mikrofon, kamera dan lain-lain mula digunakan. Semasa di kampung, penggunaan alat elektronik ini tidak digunakan. Apabila persembahan di dewan atau balai raya, penggunaan alat seperti mikrofon dan kamera mula digunakan. Penggunaan alat elektronik ini


telah mempengaruhi persembahan tradisi ini berubah dan mula berkembang. Jadual 1 dapat menjelaskan perubahan yang berlaku kepada seni persembahan tradisi Gendang Melayu Sarawak:

Jadual 1 Perubahan tempat dan penggunaan peralatan teknologi.

Tempat Persembahan	Catatan	Teknologi
Kampung	Pangkin/beranda rumah Khemah yang dipasang di kawasan luar rumah	tiada penggunaan mikrofon, sistem audio dan pembesar suara (<i>audio speaker</i>)
		
Dewan/ Balai Raya	Platform Pentas	Mikrofon Sistem audio Pembesar suara (<i>audio speaker</i>)

Perkembangan persembahan tradisi ini telah menyebabkan berlakunya perubahan terhadap strukturnya. Persembahan tradisi ini mempunyai struktur persembahan yang tersusun. Ketiga-tiga elemen penting, iaitu bergendang, *bermukun* dan *bertandak* yang mempunyai struktur yang tersendiri. Perubahan terhadap ketiga-tiga struktur ini juga membantu seni persembahan tradisi bergendang ini berkembang dan mula diminati oleh setiap lapisan masyarakat termasuk bangsa lain. Adab dan tertib masyarakat Melayu Islam juga memberi kesan terhadap seni persembahan ini, iaitu tertib bergaul antara lelaki dan wanita dibataskan. Kedudukan pemain, iaitu *seh gendang* (wanita) dan *penandak* (lelaki) dibataskan. Daripada aktiviti ini, masyarakat dapat bergaul dan mengeratkan silaturahim antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, tetap wujud batasan pergaulan dan dapat dilihat dalam seni persembahan ini. Struktur bergendang dalam persembahan tradisi, kedudukan *seh gendang* semasa persembahan diadakan ialah disebalik tabir atau tirai. Kain tabir tersebut dijadikan tirai dan diikat dengan tali. Kain tabir diikat secara dua peringkat, iaitu pada peringkat pertama sepanjang tiga kaki yang digunakan untuk menutup bahagian yang lebih rendah. Peringkat kedua diikat pada bahagian atas dan terdapat sedikit ruang sepanjang dua atau tiga kaki. Hanya bahagian ruang mata sahaja yang kelihatan. Selain *seh gendang*, ruang persembahan itu juga dipenuhi oleh anak-anak dara yang ingin duduk menyaksikan *penandak* yang berbalas pantun dengan *seh gendang*. Fungsi tirai tersebut untuk menghalang si *penandak* melihat dengan

jelas *seh gendang* dan juga anak-anak dara yang duduk di belakang *seh gendang* tadi. Anak gadis yang belum berkahwin digalakkan duduk di ruang tersebut. Walau bagaimanapun saiz tirai ini mengalami perubahan dari semasa ke semasa. Penggunaan kain tirai secara beransur-ansur digugurkan dari struktur persembahan tradisi ini. Jarang-jarang kita lihat penggunaan kain tirai dalam persembahan ini kini. Keadaan ini berlaku disebabkan permintaan atau kehendak penganjur sesebuah majlis. Mereka mahu mengenali siapakah *seh gendang* yang *bermukun*. Rajah di bawah menunjukkan kedudukan pemain dalam persembahan tradisi bergendang.



Rajah 1 Kedudukan pemain dalam persembahan bergendang.

BERGENDANG, BERMUKUN DAN BERTANDAK

Bergendang, *bermukun* (berpantun), dan *bertandak* (menari) merupakan tiga elemen dalam persembahan Gendang Melayu Sarawak. Ketiga-tiga elemen ini penting dalam seni persembahan tradisi ini. Bergendang merupakan salah satu elemen utama yang terdapat dalam persembahan ini. Bergendang membawa maksud bermain atau memukul gendang. Gendang dimainkan oleh *seh gendang*.⁷ Dalam persembahan ini, *seh gendang* terdiri daripada golongan wanita seramai dua atau tiga orang. *Seh gendang* merupakan orang penting dalam persembahan ini dan beliau yang akan memulakan dan menamatkan persembahan ini. Oleh sebab aktiviti bergendang ini

bukan semata-mata aktiviti hiburan, malah dimulakan dengan jampi oleh *seh gendang*. Fungsi gendang dalam persembahan ini sama seperti “rebab” dalam persembahan Mak Yung. Menurut Hardwick (2005),⁸ dalam persembahan Menghadap Rebab, pada permulaan struktur persembahan dimulakan dengan alunan rebab dan kesemua pemain dan penari akan berhadapan dengan rebab tersebut. Seperti yang dinyatakan oleh Ramli Ali (2010), *seh gendang* akan membaca jampi atau doa semasa memasang *sidak*⁹ gendang tersebut dan meminta izin sebelum memulakan persembahan. Teknik pemasangan *sidak* hanya dilakukan oleh *seh gendang*. Jika cara pemasangannya tidak betul, maka tidak akan menghasilkan bunyi paluan yang baik apabila dimainkan. Seperti kata pepatah orang tua-tua pada masa dulu, “*Nang kuat gendang seh ya, kuatlah bacanya ke gendang ya, ampe pagi kita tok bergendang*”. Pepatah tersebut bermaksud, semakin lama gendang dipalu, semakin merdu didengar dan sampai pagi aktiviti bergendang akan berlangsung.¹⁰ Dipercayai tujuan memerdukan paluan gendang bagi menarik perhatian penduduk setempat terutamanya si *penandak*. Selain itu, paluan gendang yang merdu juga menarik perhatian penduduk setempat untuk datang bertandang dan memeriahkan lagi suasana majlis terutamanya dalam majlis perkahwinan. Pada masa dahulu, hanya gendang digunakan dalam persembahan ini. Setelah berlalunya masa, selain gendang, alat muzik lain juga digunakan, iaitu biola, arkodian, gong dan papan nada. Penambahan alat muzik ini secara tidak langsung melibatkan golongan lelaki sebagai pemuzik dalam persembahan tradisi ini. Ketiga-tiga alat muzik ini dimainkan oleh golongan lelaki.

Elemen kedua ialah *bermukun*.¹¹ Acara berpantun ini akan dimulakan oleh *seh gendang*. Mereka memukul gendang sambil berpantun mengikut giliran masing-masing. Mereka berpantun secara spontan tanpa skrip pantun atau helaian kertas yang bertulis semasa persembahan dijalankan. Mereka akan berpantun dalam bahasa Melayu Sarawak *Lamak* dan pantun tersebut dijual kepada si *penandak*.¹² Contoh pantun pembukaan daripada *seh gendang*:

Bunga Cengkih Dalam Jeramek,
 Buah Sukun Masak Di Dahan;
 Terima Kasih Bersama Kamek,
 Mukun Sarawak Kamek Sembahkan.

Api apa di Tanjung Batu,
 Api Pak Jenal tukang perahu;
 Anak sapa bertandak itu,
 Rupa kenai nama sik tau.

Ramli Ali (2010) menyatakan bahawa pada masa dahulu, *seh gendang* dan *penandak* akan berbalas pantun secara spontan tanpa menggunakan skrip pantun. Isi pantun yang ditujukan mempunyai motif seperti menyindir, mengurati, mencari jodoh dan juga bermotifkan keadaan persekitaran majlis tersebut. Sebagai contoh, jika si *penandak* berkenan dengan salah seorang anak dara yang berada dalam ruangan tersebut, si *penandak* ini akan menjual pantun yang bermotifkan pertanyaan nama atau status perempuan tersebut kepada *seh gendang*. Isi kandungan dan pembayang pantun kemungkinan ada kaitan dengan nama, anak siapa dan status gadis tersebut. Situasi berbalas pantun berlaku secara berterusan dan tidak putus ini menunjukkan kekuatan pada *seh gendang* yang tidak penat, tidak mengalah dan pakar dalam berpantun secara spontan. Kekuatan dalam *bermukun* bergantung kepada *seh gendang*.

Bertandak pula, membawa maksud menari. *Penandak* terdiri daripada golongan lelaki. Menurut Matnor (2002),¹³ *penandak* juga digelar sebagai *penopeng*. Pada masa dahulu, para *penandak* akan bertandak menggunakan topeng. Mereka menutup bahagian muka dengan kain pelikat. Hanya bahagian mata saja yang tidak ditutup. Tujuannya untuk menyembunyikan identiti kerana segelintir daripada mereka seorang yang pemalu. Mereka akan bertandak di ruang tari atau gelanggang yang berhadapan dengan *seh gendang* sambil membalas pantun secara bergilir-gilir. Jika *penandak* tersebut tidak dapat membalas pantun yang dijual oleh *seh gendang* tadi, mereka harus keluar dari gelanggang dan akan diganti oleh *penandak* yang lain. Keadaan ini akan berterusan sehingga para *seh gendang* menamatkan persembahan tersebut. *Penandak* akan menari secara berpasangan. Pada masa dahulu, para *penandak* menubuhkan pasukan *penandak* seramai empat hingga enam orang dalam kumpulan. Mereka akan berkongsi idea dalam menghasilkan langkah baharu. Penghasilan langkah baharu akan menaikkan nama mereka atau kumpulan. Seperti dinyatakan oleh Schechner (2006), seni persembahan merupakan perbuatan atau perlakuan yang dipersembahkan berkaitan dengan kehidupan seharian (*doing, behaving and showing*). Dalam mempersembahkan tradisi ini, para *penandak* akan cuba menghasilkan pergerakan langkah yang baharu. Kebanyakannya, langkah yang dihasilkan berdasarkan aktiviti kehidupan harian mereka. Sebagai contoh, langkah *dayong* yang bermotifkan cara seorang pendayung perahu.

Terdapat juga *penandak* yang hanya dianggotai oleh dua orang dalam satu kumpulan. Yang penting bagi mereka pada masa itu ialah keserasian dalam tari dan penghormatan antara satu sama lain. Selain itu, kedudukan mereka bertandak ialah di ruang tari atau gelanggang yang hanya beralaskan tikar, dan mereka juga berhadapan dengan *seh-seh gendang*. Kedudukan persediaan, sebelum masuk gelanggang, pada ruang tepi kanan atau kiri gelanggang tersebut. Keluasan gelanggang tidak

dispesifikkan kerana bergantung pada majlis dan ruang yang ada. Jika persembahan ini dijalankan di kampung, berkemungkinan kedudukan para *seh gendang* berada di pangkin rumah pengantin dan *penandak* pula di bawah dan berhadapan dengan *seh gendang* tadi. Walau bagaimanapun, tikar tetap disediakan untuk *penandak* menari di ruang tersebut. *Penandak* mula menari bersama-sama pasangan sambil membalas dan menjual pantun kepada *seh gendang*. Mereka akan terus bertandak tetapi apabila ingin menjual atau membalas pantun, tatatertib perlu dijaga. Mereka harus melakukannya secara bergilir-gilir. Pada masa yang sama, secara tidak langsung, terdapat peraturan atau sistem gilir yang wujud dalam persembahan ini. Peraturan tersebut secara tidak langsung sudah diketahui dan dipatuhi oleh *penandak*. Antaranya termasuklah tertib masuk gelanggang dan juga membalas atau menjual pantun. Mereka harus bergilir-gilir untuk mengelak daripada berlakunya perselisihan faham. Jika *penandak* tersebut tidak dapat membalas pantun yang dijual oleh *seh gendang*, seperti yang dinyatakan dalam keterangan sebelum ini, mereka harus keluar dari gelanggang dan akan diganti oleh *penandak* yang lain. Keadaan ini berterusan sehingga *seh gendang* menamatkan persembahan tersebut.

Ketiga-tiga elemen ini berkait rapat antara satu sama lain dalam persembahan Gendang Melayu Sarawak. Struktur bergendang, *bermukun* dan *bertandak* telah mengalami perubahan dan berkembang daripada persembahan tradisi di kampung kepada persembahan di pentas di balai raya. Tiga jadual (pada halaman 24-25) dapat menjelaskan beberapa perubahan yang berlaku terhadap ketiga-tiga struktur ini. Ketiga-tiga jadual tersebut dapat menunjukkan perubahan terhadap persembahan tradisi ini jelas berlaku dari semasa ke semasa. Proses perkembangan seni persembahan tradisi ini sentiasa berlaku.

Selain daripada struktur persembahan, perkembangan dari semasa ke semasa telah menyebabkan perubahan berlaku terhadap aspek busana dan tatarias pemainnya. Pada masa dahulu, *penandak*, *seh gendang*, *pemukun* dalam seni persembahan ini memakai pakaian harian sahaja, seperti baju Melayu, kain pelikat, seluar *slack*, baju kurung dan kain sarung sebagai kelubung kepala. Apabila persembahan ini mula berkembang dan diminati, mereka mula mengubah penampilan supaya nampak bergaya dan lebih baik. Ramli (2010) menyatakan, orang kampung pada zaman pemerintahan Brooke, memakai baju kemeja panjang atau pendek, baju *twit* (baju kot), seluar panjang hitam (*slack*), bersongkok dan berkasut *beret*.¹⁴ Menurut Jamal (2012), menceritakan tentang arwah ayahnya juga merupakan salah seorang *penandak*. Ayah beliau akan membawa sebuah beg dan di dalamnya ada empat helai baju *twit* untuk dibekalkan dan ditukar apabila berpeluh semasa *bertandak*. Bagi mereka, sebagai *penandak* haruslah sentiasa kelihatan segar di hadapan *seh gendang* dan anak-anak dara yang berkunjung di majlis tersebut. Beliau juga berkata, ayahnya

Jadual 2 Perubahan struktur bergendang.

BERGENDANG		
Struktur	Tradisi	Perkembangan dari masa ke semasa
Alat Muzik	i) Gendang	i) Gendang ii) Biola iii) Arkodian iv) Gong v) <i>Keyboard</i> (papan nada)
Pemain	i) <i>Seh Gendang</i> – pemain gendang seramai 3 orang yang terdiri daripada golongan wanita.	i) <i>Seh gendang</i> - pemain gendang seramai 3 orang yang terdiri daripada golongan wanita. ii) Penambahan 3 pemain yang terdiri daripada golongan lelaki.
Irama	Irama Melayu Lamak : Sayang Sarawak Shamsudin Subuhari Lela Majnun Bunga Tanjung Cinta Berahi Bercerai Kasih Labuan Selendang Mayang Air Pasang	Irama Melayu Moden : Asam Payak Joget Bahagia Joget Jauh Pandangan Anak Tiang Tanah Seberang Mak Inang Menyubuh

Jadual 3 Perubahan struktur bermukun.

BERMUKUN		
Struktur	Tradisi	Perkembangan Dari masa ke semasa
Pemukun/ Pemantun	<i>Seh Gendang Penandak</i> Kedua-dua pemukun ini akan berbalas pantun.	i) <i>Seh Gendang</i> ii) <i>Penandak</i> Pengunjung/Penonton Pengunjung boleh melibatkan diri dalam aktiviti berbalas pantun ini. Tetapi, pantun tetap dijual kepada <i>seh gendang</i> .
Tema Pantun	Nasihat Menyindir Mengurat Mencari jodoh	Nasihat Perpaduan Kehidupan Patriotik Semasa/Kini Menyindir

Jadual 4 Perubahan struktur bertandak.

BERTANDAK		
Struktur	Tradisi	Perkembangan Dari masa ke semasa
Penandak	Dua orang <i>penandak</i> menari secara berpasangan yang terdiri daripada golongan lelaki.	Dua orang atau lebih pasangan penandak menari secara berpasangan pada masa yang sama. Enam atau lapan orang penari yang terlibat apabila dikoreografi untuk persembahan pentas. Golongan wanita juga telah melibatkan diri dan menari secara berpasangan. Pengunjung juga boleh <i>bertandak</i> bersama pasangan masing-masing.
Cara <i>bertandak</i>	<i>Penandak</i> menari secara spontan dan bebas. Kedua-dua <i>penandak</i> juga berkemampuan untuk menghasilkan langkah baru.	<i>Penandak</i> masih menari secara spontan dan bebas. Apabila melibatkan seorang penata tari, pola lantai akan diolah untuk persembahan pentas. Pengunjung hanya menggunakan langkah joget biasa semasa menari.
Pola Lantai	Penggunaan pola lantai tidak begitu banyak kerana bilangan <i>penandak</i> tidak lebih dari dua orang. Gaya pola lantai lebih bebas dan dilakukan secara spontan.	Apabila mula dipentaskan dan melibatkan ramai penari dan ada koreografer, pola lantai direka untuk menjadikan persembahan lebih menarik.
Langkah/ Gerak Tandak	Tiada nama langkah yang spesifik telah diolah atau ditetapkan oleh <i>penandak</i> .	Koreografer, Ramli Ali telah mengolah dan menyusun semula struktur langkah dan menamakan gerak tandak tersebut: Sembah Masuk Langkah Seladang/Kerbau Langkah Ketam Langkah Ayam Ngencot Langkah Surong Dayong Langkah Buang Dayong Langkah Tigak Langkah Helang Edang Langkah Awan Darat Langkah Lenggang Itik Langkah Titi Tiong Langkah Berdayong Langkah Meneter Langkah Sasi

akan mengilap kasut *beret* sehari sebelum menghadiri aktiviti bergendang. Kini, kebanyakan mereka terutama *penandak*, masih memakai baju Melayu, bersampin dan bersongkok tinggi, dan ada juga yang memakai baju batik dan berseluar slack serta berkasut beret atau bercapal. Bagi *seh gendang* pula, mereka tidak lagi memakai kain sarung dan berkelubung. Mereka menggunakan baju kurung dan segelintir daripada mereka akan bertudung. Jelas di sini, perkembangan dari semasa ke semasa telah mempengaruhi busana atau kostum seni persembahan tradisi ini.

Perubahan yang berlaku telah membantu seni persembahan tradisi ini terus berkembang serta dikenali dan diminati oleh setiap lapisan masyarakat. Walaupun beberapa struktur telah berubah, tetapi kesenian ini masih mengekalkan elemen tradisi dan aspek tatatertib dalam persembahan tradisi ini.

KESIMPULAN

Sejak seni persembahan tradisi bergendang menjadi salah satu aktiviti seni di kalangan masyarakat Melayu Sarawak, ia mula diminati oleh semua lapisan masyarakat termasuk kaum Melanau dan bumiputera yang lain. Persembahan ini juga terdapat di negara jiran iaitu Brunei yang dikenali sebagai “memukun”. Perkembangan persembahan ini telah berlaku dari masa ke semasa dan setiap perkembangan telah menyebabkan proses perubahan terhadap struktur persembahan berlaku. Namun, proses perubahan yang berlaku tidak memberi kesan negatif atau menghancurkan seni persembahan tradisi ini. Malah, perubahan yang positif telah diterima oleh lapisan masyarakat serta aktivis seni terutama golongan veteran. Pemuliharaan seni persembahan tradisi ini juga perlu dilakukan supaya tradisi ini kekal dan diketahui setiap generasi yang akan datang.

NOTA

- 1 Jati Kasuma Haji Ali, 1998. “Gendang Melayu Sarawak Kedudukannya dalam Masyarakat Melayu Sarawak Dulu dan Kini: Satu Perbandingan” dlm *Sarawak Gazette*, 125, 31-36. (UMS)
- 2 Razali Haji Yu, 2010. *Kajian Budaya Bergendang di Kalangan Orang Melayu Sarawak*. Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching.
- 3 Schechner, Richard, 2006. *Performance Studies: An Introduction*. (2nd ed). New York, NY: Routledge
- 4 Mohammad Hamdan, 2001. “*Budaya Ekspresif Melayu Sarawak: Satu Kajian Mengenai Gendang Melayu di Kampung Semerah Padi Baru*.” ([Unpublished thesis/dissertation], Universiti Malaya).
- 5 Temu bual bersama Pak Su Jamal Jauhari pada 29 Ogos 2012, jam 2 petang
- 6 Rahmah, Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2006. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya

- 7 *Seh gendang* ialah gelaran bagi si pemain gendang. *Seh gendang* terdiri daripada golongan wanita. Gelaran ini hanya untuk aktivis budaya yang aktif dan mereka ini sangat dihormati oleh penduduk setempat.
- 8 Hardwick, Patricia Ann, 2005. "Bridging the Secular and the Sacred: Movement, Metaphor and Meaning in the Tarian Menghadap Rebab" dlm. *Global and Local Dance in Performance*. Ed. Mohd Anis Md Nor and Revathi Murugappan, 431–48. Kuala Lumpur: Cultural Centre University of Malaya and Ministry of Culture, Arts and Heritage.
- 9 *Sidak* ialah lengkungan rotan untuk menegangkan kulit kambing agar bunyi gendang itu kuat ketika dipukul. Sidak akan dikeluarkan sekiranya gendang itu tidak digunakan.
- 10 Temu bual dengan Ramli Ali pada 29 November 2010, jam 9.30 pagi.
- 11 *Bermukun* bermaksud berpantun. Persembahan Gendang Melayu Sarawak juga dipanggil *Bermukun*. Pada masa dahulu, penduduk kampung lebih gemar menyebut "bermukun".
- 12 *Penandak* bermaksud penari. *Penandak* terdiri daripada golongan lelaki yang pandai menari dan bermukun.
- 13 Tuah, M., 2002. *Gendang Melayu Sarawak*. Serawak: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak.
- 14 Kasut *Beret* ialah kasut formal yang berwarna hitam. Kasut ini digilap sehingga berkilat. Setiap *penandak* harus mempunyai kasut ini.

RUJUKAN

- Hardwick, Patricia Ann, 2005) "Bridging the Secular and the Sacred: Movement, Metaphor and Meaning in the Tarian Menghadap Rebab" dlm. *Global and Local Dance in Performance*. (ed.), Mohd Anis Md Nor and Revathi Murugappan, 431–48. Kuala Lumpur: Cultural Centre University of Malaya and Ministry of Culture, Arts and Heritage.
- Jati Kasuma Haji Ali, "Gendang Melayu Sarawak Kedudukannya dalam Masyarakat Melayu Sarawak Dulu dan Kini: Satu Perbandingan" dlm. *Sarawak Gazette*, 125, 31-36., 1998. UMS.
- Marina binti Bujang. "*Masyarakat Melayu Sarawak: Pantun-Pantun dalam Majlis Bergendang*". Unpublished thesis/dissertation],Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Mary Fatimah Subet & Salbia Haji Hassan, 2009. "Bergendang dan Bermukun dalam Masyarakat Melayu Sarawak". *Proceedings of Seminar Budaya Melayu Sarawak V*, Kompleks Pelancongan Sarawak, Kuching. Prosiding Seminar Budaya Melayu Sarawak Mac 19-21 2009.
- Mohd. Fauzi Abdullah, Abd. Hamid Mukri, Roselan Baki Omar Mamat, Raja Ahmad Raja Musa, Ahmad Shahril Rajain. *Pemikiran Cinta Bermukun dalam Gendang Melayu Sarawak*. Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur
- Mohammad Hamdan, 2001. "*Budaya Ekpresif Melayu Sarawak: Satu Kajian Mengenai Gendang Melayu di Kampung Semerah Padi Baru.*" Tesis, Universiti Malaya.
- Othman, Nyak Zaini, 1999. *Gendang Melayu Sarawak*. Kebudayaan Kesenian & Warisan Malaysia (KEKKWA).

- Rahmah, Bujang dan Nor Azlin Hamidon, 2006. *Kesenian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya
- Razali Haji Yu, 2010. *Kajian Budaya Bergendang di Kalangan Orang Melayu Sarawak*. Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching.
- Schechner, Richard, 2006. *Performance Studies: An Introduction*. (2nd ed). New York, NY:Routledge.

LAMPIRAN



Pertandingan Irama Bermukun 2012 anjuran Pertubuhan Peradaban dan Warisan Melayu dan DBP Cawangan Sarawak pada 10 November 2012 di Balai Budaya, DBP Petrajaya.